

SEPAH PUTERI GUNUNG
Brown-packed Flowerpecker

FAMILI: Nectariniinae
NAMA SAINTIFIK: *Dicaeum everetti*

CIRI-CIRI

Individu dewasa bagi spesies ini menyerupai spesies Sepah Puteri Kayangan *Dicaeum agile*, tetapi bahagian mata adalah lebih pudar manakala bahagian paruh pula adalah lebih tebal. Individu ini mempunyai bahagian sisi kepala berwarna coklat di mana jalur pada bahagian sisi paruh yang gelap. Bahagian atas badan berwarna coklat gelap manakala bahagian bawah pula berwarna terdapat jalur-jalur pucat. Bahagian perut pula berwarna kelabu atau coklat. Individu ini juga mempunyai bahagian bulu sayap yang pudar manakala warna putih pada bahagian hujung bulu bawah ekor adalah pudar. Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz kira-kira 10 cm.

MAKANAN

Makanan utama spesies ini terdiri daripada buah-buahan yang bersaiz kecil, buah beri dan nektar. Spesies ini juga memakan serangga-serangga yang bersaiz kecil dan labah-labah.

HABITAT

Spesies ini boleh dijumpai di pinggir kawasan hutan dipterokap, kawasan hutan paya serta di kawasan tanah rendah.

BUNYI

Bunyi bagi spesies ini belum dapat dipastikan sepenuhnya berdasarkan kajian.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan bagi spesies ini belum didokumentasikan sepenuhnya.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya. IUCN, hampir terancam.